

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @NYALAU
ANAK BADAK
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 16.05.2016 (ISNIN)

NO. SOALAN : 131

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai perancangan untuk menaik taraf bekas jalan balak dari Sebeliau ke Ulu Lemenak dan dari Jalan Ulu Kesit ke Ulu Engkari.

JAWAPAN :

Yang di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, senarai kawasan yang terlibat dalam Projek Menaiktaraf Bekas Jalan – Jalan Balak di Negeri Sarawak adalah berdasarkan kepada senarai keutamaan yang telah disusun dan dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Berdasarkan senarai yang dikemukakan, jalan dari Sebeliau ke Ulu Lemenak dan dari Jalan Ulu Kesit ke Ulu Engkari tidak disenaraikan di bawah jajaran yang terlibat dalam projek ini. Walau bagaimanapun, di Bawah Projek Menaiktaraf Bekas Jalan – Jalan Balak di negeri Sarawak Fasa 4, Bahagian Sri Aman yang diluluskan pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), jajaran Sebeliau /Uyau di Parlimen Lubok Antu sepanjang **27km** telah disenaraikan untuk dinaiktaraf dengan peruntukan berjumlah **RM12.42 juta**.